



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Utusan Malaysia - Bank Rakyat Rancang Perkhidmatan Pindah Wang Ke Indonesia

Utusan Malaysia - Bank Rakyat Rancang Perkhidmatan Pindah Wang Ke Indonesia

🕒 Sabtu, Mac 18 2017




Bank Rakyat rancang perkhidmatan pindah wang ke Indonesia

Oleh **AKMYR SYAHAR AZWAR**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 17 Mac - Bank Rakyat merancang untuk menawarkan perkhidmatan pindahan wang ke Indonesia pada suku kedua tahun ini.

Menurut bank koperasi Islam itu, ia sedang menunggu kelulusan daripada pihak berkuasa termasuk Bank Negara Malaysia (BNM).

"Perkhidmatan itu adalah menerusi sistem pengiriman wang Bank Rakyat Indonesia, juga dikenali sebagai 'BRifast'," jelas bank itu dalam kenyataan di sini hari ini.

Bank Rakyat ditubuhkan pada 28 September 1954 di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama 1948 dengan nilai aset berjumlah RM99.3 bilion setakat September 2016.

Ia merupakan institusi kewangan Islam kedua terbesar di Malaysia selepas Maybank Islamic Bhd.

Transformasi sistem perbankan konvensional kepada sistem perbankan Syariah sejak 2002 telah membawa Bank Rakyat mencatatkan keuntungan memberangsakan saban tahun.

Institusi perbankan itu terus mengembangkan pelbagai produk inovatif termasuk perbankan consumer, pembiayaan komersial dan lain-lain bagi memenuhi keperluan spektrum pelanggan.

Selain itu, Bank Rakyat juga menerima pelbagai pengiktirafan berkaitan industri atau sebagai sebuah organisasi di Malaysia serta di peringkat antarabangsa.

Sebagai sebuah entiti di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Bank Rakyat komited untuk mengukuhkan sektor koperasi sebagai tunjang pertumbuhan ekonomi negara.

Sehingga kini, ia mempunyai 147 cawangan dengan lebih 960 pengeluaran wang automatik (ATM) dan mesin deposit tunai (CDM) serta 95 Ar-Rahnu X'Change di seluruh negara.



Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 23 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216